

KAJIAN TERHADAP ARAH PERGERAKAN SEDIMEN
SEKELILING BAHAM DUNGUN

MURIZLA BINTI HAIDAN

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
UCLE UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2005

**KAJIAN TERHADAP ARAH PERGERAKAN SEDIMEN SEPANJANG PANTAI
DUNGUN**

Oleh

Nurfazila Binti Hamdan

Laporan Penyelidikan ini diserahkan untuk memenuhi
sebahagian keperluan bagi
Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Samudera)

Jabatan Sains Samudera
Fakulti Sains dan Teknologi
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
2005

1100034598

PENGHARGAAN

Bersyukur saya kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izinNya jua projek ini dapat dijalankan dengan jayanya. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terutamanya kepada penyelaras utama projek, Prof. Madya Dr. Rosnan B. Yaacob di atas bimbingan, teguran membina dan keprihatinan di atas pelaksanaan projek ini. Tidak ketinggalan juga kepada En. Azlim dan En. Azam yang sentiasa membantu serta memberikan idea dan pandangan. Penghargaan yang sama juga saya rakamkan kepada kakitangan Makmal Oseanografi dan kakitangan Unit Kenderaan. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih saya terhadap kedua ibubapa En. Hamdan B. Bakeri dan Pn. Yano Hj. Lamat serta kakak tersayang Nurfida yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan untuk menjayakan projek ini.

Khusus untuk rakan-rakan terutamanya, Alek, Ana, Kong, Yanti, Milah, Farid, Anuar dan rakan-rakan lain yang tidak disebutkan di sini di atas segala bantuan samada secara langsung atau tidak langsung. Sokongan dan bantuan anda semua sungguh memberi makna kepada diri saya. Semoga yang Esa memberikan ganjaran kebaikan dan memberkati anda semua.

Wassalam.

Nurfazila Hamdan

ABSTRAK

Kajian terhadap corak pergerakan endapan telah dilakukan di sepanjang pantai Dungun sehingga pantai Kijal. Terdapat sebuah tanjung, muara dan pelabuhan terdapat di sepanjang kawasan kajian. Penyampelan dilakukan dari bulan Jun hingga Disember dan penyampelan dilakukan setiap dua bulan. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji corak pergerakan sedimen sepanjang pantai tersebut. Di samping itu, arah pergerakan endapan dapat dikenalpasti di kawasan pesisir pantai. Sampel diambil dari lapan stesen yang merangkumi tiga zon litoral iaitu air pasang tertinggi, air pasang pertengahan dan air pasang terendah. Dalam kajian ini corak taburan endapan didapati jenis kasar iaitu berjulat di antara 0.0 hingga 1.0 $\phi(\emptyset)$, sisihan hampir sempurna berjulat di antara 0.50 hingga 0.70 $\phi(\emptyset)$ dan berkepencongan positif yang berjulat di antara 0.10 hingga 0.30 $\phi(\emptyset)$. Kurtosis pula tidak menunjukkan perubahan yang ketara di mana kurtosis sangat leptokurtik iaitu berjulat di antara 1.5 hingga 3.0 $\phi(\emptyset)$ dan merupakan dominan pada kebanyakan stesen kajian. Profil pantai menunjukkan hampir semua stesen adalah terhakis terutama di bulan Disember walaupun sebelumnya di bulan-bulan yang lain mengalami penimbunan. Kajian ini juga menunjukkan adanya daya luar yang bertindak iaitu kelajuan angin, arah angin, arus pasang surut dan tindakan ombak di sepanjang pesisir pantai lokasi dan telah membentuk arah gerakan endapan di lokasi kajian.

ABSTRACT

Study on sediment movement pattern was conducted along the coastline of Dungun and Kijal. There is a headland, an estuary and a port along the coastline. Sampling and data collection were done in every two months starting from June 2004 until December 2004. This study was conducted to determine the sediment movement pattern. Furthermore, the net shore drift pattern can be recognized and identified along the coastline. Sediment sampling were carried out at eight stations which include three littoral zone; high tide, mid tide and low tide. The sediment distribution was found to be coarser (0.0 to 1.0 $\phi(\emptyset)$), well sorted (0.50 to 0.70 $\phi(\emptyset)$) and positively skewed (0.10 to 0.30 $\phi(\emptyset)$) in most of the station. There is a variability showed by kurtosis where intensely leptokurtic where the range are between 1.5 to 3.0 $\phi(\emptyset)$ and it is domain in most of the station. The study shows that the beach profiles were eroded in the month of December. This study indicates the influence of the force such as wind speed, wind direction, tidal current and wave action along the coastline that have resulted and formed the net shore drift pattern at the study location.